

Persidangan ASAIHL ditunda ke 28 September

KOTA KINABALU: Persidangan dan Seminar Persatuan Institusi Pengajian Tinggi Asia Tenggara (ASAIHL) anjuran Univesiti Malaysia Sabah (UMS) yang dijadualkan berlangsung pada 15 Jun ini terpaksa ditunda ke 28 September depan.

Langkah itu diambil berikutan kebimbangan beberapa negara peserta mengenai jangkitan wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

Pengerusi penganjurnya, Profesor Yusof Kasim berkata, ia juga terpaksa ditunda kerana lima daripada negara peserta dikenakan larangan perjalanan ke luar negara.

Beliau yang juga Pengarah Pusat Perhubungan Antarabangsa dan Korporat UMS berkata, negara terbabit ialah Australia, Singapura, Brunei, Hong Kong dan Thailand.

Berikutan itu, kita mengambil keputusan menunda Asaihl pada 28 September hingga 1 Oktober walaupun dari segi persiapan pengajaran kita telah bersedia," katanya kepada pemberita di UMS di sini, kelmarin.

ASAIHL ditubuhkan pada 1956 bertujuan menggalakkan kerjasama dalam bidang akademik, penyelidikan, penerbitan dan bertukar-tukar maklumat bagi mempercepatkan proses pembangunan ilmu di institusi pengajian tinggi di Asia Tenggara.

Persidangan empat hari itu bertemakan 'Pursuing Knowledge: The Role of Universities amid Global and National Changes'.

Yusof berkata, sebanyak 120 kertas kerja akan dibentangkan dalam persidangan itu yang dijangka disertai oleh kira-kira 300 cendekiawan dari seluruh dunia.

"Antara tajuk yang bakal dibincangkan ialah Pendidikan dan Masyarakat Baru, Kurikulum Universiti dalam Era Globalisasi, Kerjasama dan Jaringan Serantau dan Pengurusan Universiti," katanya.

Sementara itu, Yusof berkata, UMS akan mengadakan dua lagi siri syarahan umum oleh tokoh terkemuka dalam disiplin masing-masing di universiti itu.

Katanya, esok Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff akan menyampaikan syarahan bertajuk 'Malaysia's Competitiveness in The Global Environment'.

"Pada 5 Jun, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz akan menyampaikan syarahan bertajuk: 'Persediaan Pelajar Bagi Memenuhi Keperluan Pasaran'.